

Artikel

Hubungan Sebagai Asas *Coming Out*: Kajian Fenomenologi LGB dalam Kalangan Masyarakat Cina di Malaysia

(Relationship as the Basis for LBG Coming Out: A Phenomenology Study among LGB Chinese Community in Malaysia)

Tan Wan Cheng, Salina Nen, Chong Sheau Tsuey, Nasrudin Subhi & Muhammad Ajib Abd Razak

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: salina.nen@ukm.edu.my

Abstrak: *Coming out* individu lesbian, gay dan biseksual (LGB) sering digambarkan dalam naratif Barat sebagai pengalaman individu yang ingin kebebasan. Namun, naratif ini dilihat sebagai kurang praktikal atau relevan bagi sesetengah individu LGB dalam masyarakat kolektivistik. Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengalaman *coming out* individu LGB di Malaysia, dari segi motivasi, strategi komunikasi dan faktor perbezaan individu. Temu bual semi berstruktur dijalankan ke atas lima (5) orang peserta berbangsa Cina. Analisis tematik menunjukkan bahawa hubungan menjadi asas untuk *coming out* iaitu adanya perasaan selamat dan kerapatan, wujud kejujuran dan setia dalam hubungan, bagi mendapatkan sokongan dan bimbingan serta *coming out* keluarga dalam keadaan khusus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *coming out* dalam masyarakat kolektivistik seringkali bukan mengenai ekspresi sendiri, tetapi sebagai proses yang berterusan untuk menguruskan kepelbagaian identiti dan persilangan budaya. Hasil kajian ini membantu bergerak daripada ton mono-budaya dalam kajian LGBT lepas yang dilakukan di negara Barat dan mencadangkan hala tuju baru untuk kajian masa depan tentang pengalaman LGB di Malaysia.

Keywords: *coming out*, LGB, identiti seksual, homoseksual, masyarakat Cina, Malaysia

Abstract: The coming out experience of lesbian, gay, and bisexual (LGB) people has often been described in the Western narrative as an act of individual desires and liberation. However, this narrative has been found to be impractical or even irrelevant for many LGB individuals living in collectivistic societies. This study is done to explore the coming out experience of LGB individuals in Malaysia, specifically on the motivations, communication strategies, and factors of individual differences. Five semi-structured interviews were conducted, and data were subjected to qualitative thematic analysis. Results yielded three themes: relationship as the basis for coming out, sexual identity as a private identity, and individual differences. The findings show that coming out in a collectivistic society is often not just about self-expression but an ongoing process of navigating between multiple identities and the intersectionality of cultures. This helps to shift from the monocultural tone of past LGBT studies conducted in the West and sets the direction for future studies on the LGB experience in Malaysia.

Keywords: coming out; LGB; sexual identity; Malaysia; Chinese ethnicity

Pengenalan

Pengalaman "*coming out (of the closet)*" sering digambarkan sebagai langkah perkembangan psikologikal yang penting bagi individu lesbian, gay dan biseksual (LGB). Menurut Rust (2003), terma *coming out* merujuk

kepada “proses yang mana individu mengakui bahawa mereka mempunyai perasaan romantik atau seksual terhadap individu daripada jantina yang sama dengan dirinya; memegang identiti lesbian, gay atau biseksual; dan seterusnya berkongsi identiti ini dengan orang lain”. *Coming out* dikaitkan dengan manfaat seperti kesejahteraan mental dan penghargaan sendiri yang lebih baik, pengurangan tingkah laku berisiko, serta kerapatan interpersonal dan sokongan sosial yang meningkat. Pada masa yang sama turut mendedahkan individu LGB kepada risiko seperti pemangsaan, keganasan fizikal, serta penolakan dan pengelakan sosial (Corrigan & Matthews, 2003; Russell *et al.*, 2014; Kosciw *et al.*, 2015). Dilema ini menjadi lebih ketara lagi bagi individu LGB di Malaysia, yang mana kumpulan minoriti seksual ini bukan sahaja mengalami penentangan terbuka daripada kedudukan rasmi kerajaan, tetapi juga menghadapi tindakan perundangan yang melihat hubungan sama jantina sebagai satu tingkah laku jenayah. Keadaan sosio-politik yang unik ini, bergabung dengan kepelbagaian budaya dalam negara kita, pengalaman *coming out* individu LGB di Malaysia menjadi suatu fenomena kajian yang menarik.

Kajian Literatur

Sejak 1970-an, pelbagai model perkembangan identiti seksual minoriti diperkenalkan seperti model Cass (1979), Coleman (1982) dan Troiden (1989) untuk memberikan gambaran tentang pengalaman golongan LGB dalam mengendalikan orientasi seksual mereka. Menurut ulasan Bilodeau dan Renn (2005), model-model ini biasanya bermula dengan peringkat yang mana individu LGB menggunakan pelbagai strategi bela diri untuk menafikan perasaan homoseksual. Lama-kelamaan, sesetengah individu LGB mula mengakui dan menerima bahawa diri mereka mempunyai orientasi seksual yang bukan heteroseksual. Seterusnya, individu LGB merasai keinginan yang semakin tinggi untuk mendedahkan identiti homoseksual kepada heteroseksual lain, serta membina hubungan sosial yang semakin personal dan kerap dengan homoseksual lain. Peringkat terakhir dalam model pembentukan identiti homoseksual sering melibatkan integrasi identiti LGB sebagai aspek positif dalam diri, komitmen untuk hidup sebagai LGB dalam konteks sosial yang berlainan (Troiden, 1989).

Walaupun model-model berperingkat ini membantu dalam memberikan gambaran yang jelas dan mudah difahami untuk mengkonsepsikan proses perkembangan identiti homoseksual, ia juga menerima kritikan kerana bersifat terlalu simplistik, unidimensi, tetap dan terhad (Yusof & Subhi, 2017). Selain itu, model yang bersifat berperingkat juga seolah-olah mencadangkan pencapaian suatu titik akhir sebagai hasil perkembangan yang paling sihat, yang seringnya melibatkan ekspresi dan komitmen terhadap identiti homoseksual secara terbuka (Bilodeau & Renn, 2005). Kebanyakan model ini terbina berdasarkan pengalaman sampel kecil yang terdiri daripada lelaki Anglo kelas pertengahan dalam konteks sosio-budaya-politik masyarakat Barat, di samping mengabaikan perbezaan psikososial lain yang mungkin mempengaruhi gaya interaksi dengan identiti orientasi seksual seperti jantina, bangsa, agama, kelas sosioekonomi dan budaya. Model-model ini tidak dapat menjelaskan kepelbagaian identiti dalam masyarakat kolektivistik dan proses *coming out* dalam masyarakat yang menjenayahkan homoseksualiti (Cheah & Singaravelu, 2017). Aplikasi ke atas masyarakat etnik lain tanpa mengambil kira perbezaan budaya, mungkin mempatologikan populasi LGB yang melalui mod alternatif *coming out*, dan menyebabkan homoseksualiti ditolak sebagai “penyakit orang putih” oleh masyarakat itu (Yusof & Subhi, 2017).

Model-model perkembangan identiti seksual Barat menampakkan budaya individualisme yang meletakkan nilai tinggi pada keunikan individu dan aktualisasi sendiri. Dalam budaya kolektivistik pula, identiti seksual LGB seringnya terbentuk dalam konteks perhubungan dengan orang lain, termasuk nilai tanggungjawab, identiti etnik dan keagamaan, jarak kuasa, identiti dan peranan jantina (Cheah & Singaravelu, 2017). Perkara ini dapat diperhatikan dalam pengalaman *coming out* lelaki gay di China (Bie & Tang, 2016) dan Taiwan (Wang *et al.*, 2009), yang mana nilai tradisional budaya Cina seperti keharmonian, *filial piety* dan tanggungjawab kekeluargaan, menghasilkan pengalaman *coming out* yang tidak bersifat jelas dan terus-terang, terutamanya dengan ibu bapa mereka. Proses itu sering melibatkan persediaan yang meluas dan berlanjutan seperti menguji reaksi atau mendidik ibu bapa tentang homoseksualiti melalui program TV atau filem; serta membina kekuatan psikologikal, sokongan sosial dan keupayaan kewangan untuk menghadapi risiko sekiranya *coming out* tidak mendapat reaksi yang baik daripada keluarga. Untuk mengurangkan konfrontasi, sesetengah individu LGB menggunakan strategi *coming out* tidak langsung seperti menggunakan orang tengah

(seperti adik-beradik) atau memberi bayangan, manakala sesetengah memilih cara alternatif seperti berpindah ke tempat tinggal sendiri untuk mengurangkan tekanan kekeluargaan atau “*coming home*” dengan pasangan dan memperkenalkannya sebagai “kawan” (Tan 2011). Pelbagai strategi ini dilihat sebagai usaha untuk mengimbangi antara keperluan kolektif untuk mengekalkan keharmonian keluarga, serta keinginan individu untuk menegaskan identiti seksual sendiri.

Dapatan daripada masyarakat Cina lain selari dengan kajian Cheah dan Singaravelu (2017) tentang pengalaman lesbian dan gay di Malaysia, yang mana kebanyakan pesertanya adalah berbangsa Cina. Di samping itu, kajian Yusof dan Subhi (2017) menunjukkan bahawa peserta lelaki Muslim yang mengikuti aliran utama Islam dalam negara kita jarang melakukan *coming out* secara sukarela dan terbuka, manakala peserta yang tidak mengidentifikasi diri dengan aliran utama Islam cenderung mendedahkan identiti seksual mereka secara awam dalam pelbagai konteks sosial. Pelbagai dapatan ini menunjukkan kepentingan untuk mengambil kira budaya dalam menentukan makna identiti seksual dan *coming out* bagi individu LGB. Walaupun kajian tentang LGB di Malaysia semakin berkembang pesat dalam tahun kebelakangan ini, kebanyakan kajian tentang pembentukan identiti seksual LGB berfokus pada lelaki homoseksual yang beragama Islam, dan bertumpu pada konflik antara identiti seksual dan identiti keagamaan (Felix, 2016; Zainon & Kamila, 2011; Mohd Asyraf & Radzuwan, 2019). Di samping itu, kajian tentang proses *coming out* individu LGB di Malaysia masih berada pada fasa awal, seperti yang diterokai oleh Yusof dan Subhi (2017), serta Cheah dan Singaravelu (2017). Kedua-dua kajian ini memberikan gambaran yang penting tentang pengalaman *coming out* individu LGB di Malaysia, tetapi juga mempunyai kepelbagaian peserta yang agak terhad. Dalam konteks sosio-budaya-politik Malaysia yang pelbagai dan unik ini, variasi dijangkakan apabila lebih banyak data dikumpul. Tambahan pula, faktor perbezaan budaya individu seperti jantina, orientasi seksual dan lokasi geografi, kurang dititikberatkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memperkayakan pengetahuan tentang pengalaman *coming out* individu LGB di Malaysia, khususnya dari segi motivasi, strategi komunikasi dan perbezaan individu.

Metodologi

1. Rekabentuk Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan fenomenologi untuk meneroka pengalaman subjektif *coming out* individu LGB di Malaysia. Pendekatan fenomenologi fokus kepada memahami dan menjelaskan sesuatu fenomena yang dialami oleh individu dalam kehidupannya (Creswell, 2007). Penyelidik menahan dirinya (bracketing) daripada membuat andaian terhadap fenomena yang dikaji. Tujuannya ialah untuk dapat memahami lebih mendalam pengalaman individu yang dikaji itu. Pendekatan fenomenologi cuba memahami persepsi individu, kepercayaan dan emosi mereka terhadap fenomena yang dikaji. Pendekatan fenomenologi ini sering digunakan untuk mendapatkan pemahaman lebih mendalam cara individu berfikir selain mengembangkan pengetahuan penyelidik terhadap topik kajian (Creswell, 2007).

2. Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan lima orang peserta, iaitu bilangan peserta yang minima untuk kajian fenomenologi menurut Creswell (2007). Persampelan bertujuan dan *snowball* digunakan untuk mengenal pasti individu daripada kumpulan LGB. Pertama sekali, pengkaji membuat sebaran iklan Facebook dan WhatsApp melalui kenalan pengkaji. Selain itu, pengkaji meletakkan iklan dalam kumpulan *Diversity* yang mesra-LGBT pada media sosial Facebook. Tambahan pula, peserta kajian yang telah menerima temu bual juga diminta untuk berkongsi iklan tersebut dengan kenalan yang mungkin berminat. Secara kebetulan, kesemua peserta dalam kajian ini adalah berbangsa Cina. Maklumat demografi peserta dirumuskan dalam Jadual 1:

Jadual 1. Maklumat Demografi Peserta Kajian

	Umur	Jantina	Orientasi seksual	Bangsa	Agama	Tahap pendidikan	Lokasi
P1	37	Lelaki	Gay	Cina	Kristian	Pra-siswazah	Semenyih
P2	23	Lelaki	Gay	Cina	Ateis	Pra-	Batu Pahat

P3	30	Perempuan	Lesbian	Cina	Agnostik	siswazah Pra- siswazah	Kampar
P4	26	Perempuan	Biseksual	Cina	Buddha	Pra- siswazah	Subang Jaya
P5	30	Perempuan	Biseksual	Cina	Kristian	Pra- universiti	Johor Baru

3. Prosedur Kajian

Semua data temubual dijalankan secara atas talian. Justifikasi pemilihan temubual atas talian ialah kerana ketika kajian ini dilakukan, Malaysia masih lagi berdepan dengan pandemik COVID-19 dan masih berlaku larangan pertemuan bersemuka. Justeru, temu bual dijalankan melalui panggilan konferens pada aplikasi ZOOM, dengan rakaman suara dilakukan. Jangka masa temu bual adalah antara 1 hingga 2 jam. Setelah penyelesaian, rakaman suara temu bual ditukar kepada transkrip dalam bentuk verbatim. Sebelum sesi temu bual, peserta diminta untuk mengisi borang elektronik yang merangkumi persetujuan termaklum dan maklumat demografi asas. Pada permulaan sesi temu bual, peserta diberikan penerangan tentang tujuan kajian dan proses temu bual, serta diberikan masa yang secukupnya untuk mengutarakan soalan kepada pengkaji. Selepas mendapatkan persetujuan termaklum secara oral, temu bual semi berstruktur dijalankan untuk meneroka pengalaman *coming out* peserta. Soalan temu bual terbentuk melalui rujukan kepada Cheah dan Singaravelu (2017), dan merangkumi beberapa aspek termasuk: (1) kesedaran pertama tentang tarikan sama jantina dan reaksi terhadapnya; (2) pengalaman *coming out* kali pertama; (3) cara pengendalian identiti seksual dengan orang lain termasuk keluarga, kawan, rakan sekerja dan lain-lain; (4) cabaran dan harapan sebagai individu LGB di Malaysia. Temubual dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda peserta kajian, bergantung keselesaan masing-masing.

4. Analisis Data

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis tematik daripada Braun dan Clarke (2006). Terdapat enam langkah dalam analisis tematik seperti berikut: (1) membiasakan diri dengan data, (2) menghasilkan kod awal, (3) mencari tema, (4) memeriksa tema, (5) memperhalusi dan memberi nama tema, dan (6) menulis laporan.

Hasil Kajian

Analisis data telah menghasilkan tiga tema tentang pengalaman *coming out* peserta kajian, iaitu (1) hubungan sebagai asas *coming out*, (2) identiti seksual merupakan identiti peribadi, serta (3) perbezaan individu. Bagi setiap tema, subtema juga dikenal pasti.

1. Hubungan sebagai Asas *Coming Out*

Selari dengan konteks budaya kolektivistik, hubungan dengan orang lain sering menjadi pertimbangan utama bagi individu LGB dalam pengurusan identiti seksualnya, sama ada untuk melakukan *coming out* ataupun tidak. Subtema untuk tema ini dirumuskan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2. Rumusan Subtema Hubungan Sebagai Asas *Coming Out*

Tema	Subtema
Hubungan sebagai asas <i>coming out</i>	a. <i>Coming out</i> disebabkan kerapatan dan keselamatan dalam hubungan
	b. <i>Coming out</i> disebabkan kejujuran dan kesetiaan
	c. <i>Coming out</i> untuk mendapatkan sokongan dan bimbingan
	d. <i>Coming out</i> kepada keluarga dalam keadaan luar biasa

Coming out disebabkan kerapatan dan keselamatan dalam hubungan

Bagi kebanyakan peserta kajian, *coming out* dilakukan secara sukarela dalam hubungan yang mana mereka merasai kerapatan, terutamanya dalam lingkungan kawan. Selain itu, sikap keterbukaan penerima *coming out*

juga membenarkan peserta kajian untuk berasa selamat untuk berkongsi tentang aspek identiti seksual mereka. Perkara ini digambarkan oleh peserta kajian P2 dalam pengalaman *coming out* kali pertama kepada kawan baiknya:

“Because that friend, it’s like we’re really close. He’s my pal. Then, I just feel like he is ok to tell him about that. Then he is ok with accepting a lot of things. Because, I think to me when I try to come out, I will like to consider the candidates. Like who is more suitable to come out, who is more open, who is more acceptable.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Peserta kajian P3 bersetuju bahawa kerapatan hubungan merupakan kriteria yang sangat penting apabila melakukan *coming out* kepada kawan, terutamanya dari segi jangka masa berkenalan.

“Mmm... I told a few friends la, but not, not all la. I only come out to those that I’m close with. For those strangers, like new friends, I prefer not to, not to err... like expose myself, like make me... like put me into some kind of, uncertainties la.”

(P2, Perempuan, 30 tahun)

Dari segi cara komunikasi, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan perbualan *coming out* dalam hubungan rapat dilakukan melalui cara yang mana identiti seksual peserta dikomunikasikan dalam konteks interaksi harian, dan keunikan individu bukan fokus utama interaksi tersebut. Sebaliknya, identiti seksual sering dikongsikan dalam konteks perhubungan yang lebih mudah difahami dan diterima dalam masyarakat kolektivistik. Contohnya, peserta kajian P2 memberitahu kawan baiknya tentang tarikan sama jantina dalam konteks perkongsian rahsia sesama kawan.

“I just like, say like, I think that I like this guy. Then, then, I feel like it’s, it’s a bit different feeling. And, so he just like, ‘Hmm ok’. Then, he asked me what I gonna do, and I said, ‘Oh, maybe just (stay as) friends la. Because I’m not sure like he (my crush) is straight or gay also.’ Then, he just ‘Oh, ok’ la. Then, he would ask me, ‘You don’t like a girl anymore ah?’ Then I say like, ‘I don’t feel like I like girls, anymore’. And he asked me like, err... because my friend doesn’t ask a lot of questions. I guess. Ya.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Peserta kajian P3 pula melakukan *coming out* kepada sekumpulan kawan dengan membawa teman wanitanya untuk menyertai perjumpaan mereka. Strategi komunikasi ini menyerupai cara “*coming home*” yang digambarkan oleh Tan (2011), tetapi peserta kajian (P3) bersifat lebih eksplisit dalam menjelaskan status hubungan dengan teman wanitanya.

“I never told them before ah. Suddenly I ask my girlfriend to join my, err, my friends, err gathering. Then I introduced her as my girlfriend. Then, that’s how they know la.”

(P3, Perempuan, 30 tahun)

Selain itu, peserta kajian P2 juga menerangkan persediaan yang dilakukan sebelum *coming out* untuk menguji sikap calon penerima terhadap seksualiti minoriti. Cara yang digambarkan sebagai *testing the waters* oleh McLean (2007) ini dapat membantu peserta kajian melakukan keputusan tentang *coming out* dan mengurangkan risikonya.

“So, I will like, kind of like, err, chat some of the LGBTQ stuff in our chats. So kind of like I say, I watch Brokeback Mountain. I think it’s really cool, and I think it’s really nice. Like use, this kind of like, tricky information, to trying to like, see their reactions. If they are ok about that, then I try like, oh, I think he’s ok. And also, like, when we chat along, if I think is that he is very open, and he is kind of like have the same kind of value to, the same kind of value as me, then I feel like it’s ok to talk about that la.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Pada masa yang sama, faktor kerapatan dan keselamatan dalam hubungan juga menjadi motivasi yang penting kepada penyembunyian identiti seksual bagi sesetengah peserta kajian. Perkara ini berkaitan dengan stigma masyarakat umum terhadap golongan LGB yang mungkin membawa kesan negatif kepada individu LGB dan juga komuniti di sekelilingnya. Oleh itu, individu daripada kumpulan minoriti seksual ini perlu memahami budaya masyarakat majoriti dalam pengurusan identiti seksual mereka. Perkara ini diterangkan oleh peserta kajian P1 dan P2 tentang penyembunyian identiti seksual di tempat kerja.

“When it comes to... I did hide, like those that err, not really close clients. That, I will always, like sometimes say... ‘Oh so you’re married?’. I say, I’m not married, I have a ‘girlfriend’. So, something like that. So at the end of the day, it is come into like, I do not know this person, and I just came out. At the end of the day, this person, this client, to me, is only about business. So, I have to think from the business view, that if this person, do not, not able to accept, and then he or she do not want to come to the clinic anymore, it will actually cause some problem with the business.”

(P1, Lelaki, 37 tahun)

“Oh no, I just, like, totally discrete. Totally discrete. Because, engineering is more like err, there’re a lot of male workers la. So... it’s not a really good place to, like, coming out also.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Coming out disebabkan kejujuran dan kesetiaan

Kejujuran dan kesetiaan ialah nilai perhubungan yang dihargai dalam masyarakat kolektivis. Nilai-nilai ini dapat diperhatikan dalam peserta kajian P1 dan P2 yang paling kerap melaporkan *coming out* secara aktif dalam lingkungan sosial mereka, terutamanya dalam hubungan yang dijangkakan untuk berkekalan lama. Contohnya, kedua-dua peserta kajian ini melaporkan kejujuran sebagai motivasi untuk melakukan *coming out* kepada rakan serumah mereka.

“So, at that point of time, I was also thinking, if I don’t do it, so if my boyfriend came over, then it will be a lot of denying, a lot of lies. And then at the point of time, I will always feel like, if there are lies between the friendship, I don’t feel comfortable anymore.”

(P1, Lelaki, 37 tahun)

“Another thing is like, something when we hang out together, so... we will like jokes about like ‘Oh, why you still single ah? Why you haven’t found a girl ah?’ Then I just want to like prevent this kind of situation la. And I think, when you coming out a lot, coming out lots of times, you’ll feel like this kind of situation you’re really lazy to like do the fake smile, try to pretend, like, anymore la. You just want to be natural, want to be easy.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Selain itu, kepercayaan dalam pertalian silaturahim amat dipentingkan dalam masyarakat kolektivis. Bagi peserta kajian P2, beliau melakukan *coming out* kepada sesetengah kawan sebagai tanda kesetiaan untuk membalas kepercayaan kawan itu.

“So, he shares his very personal things. So he really trusted me. He kind of like showing the information, I really trusted you. So I feels like... I will have some kinds of like, the guilty ah, it’s that sense of guilt. So it’s like, he shares so personal things already. I should share something also, very personal also.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Bagi peserta kajian P2, kejujuran dan kesetiaan juga merupakan motivasi *coming out* kepada adik-beradik. Perkara ini mungkin berkaitan dengan nilai Confucianisme yang mementingkan hubungan kekeluargaan berbanding perkara lain dalam kehidupan.

“Err, I think at that point I just feel like it’s... because I came out to a lot of friends also. Then just feels like, err, since I came out to a lot of friends. Then I feel like if I didn’t tell to my family, it actually is not that good la. To me. Ah. Because, like, err, that... it’s just that kind of feeling la. I think like it’s a very Asian thing.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Dari segi cara komunikasi, kebanyakan pengalaman *coming out* bawah tema ini melibatkan strategi yang lebih eksplisit dan sengaja, dalam konteks perbualan yang berfokus pada identiti seksual peserta kajian.

“I remember I came out to my coursemate. Then I told them, err, I got things to tell you. So, so... then I just tell her it’s that, I actually like guys. So then, ya then she was like, ‘Oh, that’s good. It is, it is nice for you to tell me this.”

(P1, Lelaki, 37 tahun)

“So there’s one day when the flat only me and him like we’re in the kitchen. Then, I just... when we talk about like different stuff, then I suddenly say, ‘Actually, I like guy, you know’. Then he’s like, ‘Hah?! Err, do you like me ah?’ I say ‘No. No, you’re not your type, you’re not my type. Totally not my type.’ It’s just so... it’s very natural la. It’s very natural.”

(P1, Lelaki, 37 tahun)

“Suddenly, in uni, out of nowhere, I just feel like, actually, I should tell them (my first and second sister). Then I just text them. Like, actually, let you know, I like guys. Then she (my first sister) says like, ‘I hope that you should, you still can try, with girls, but don’t hurt the girls. If you know that it doesn’t work for you anymore, then just leave. Then just like, don’t hurt a girl’s feelings. Then, but, if you’re really ok with that, we’re ok with you also.’ Like that, la.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Daripada interaksi di atas, walaupun reaksi rakan serumah dan kakak peserta kajian P2 mungkin dilihat sebagai bersifat homofobia dalam budaya masyarakat Barat, reaksi mereka secara umumnya dipersepsi sebagai positif oleh peserta kajian disebabkan cara penyampaian mesej dan interaksi mereka di luar konteks perbualan itu. Perkara ini menunjukkan bahawa reaksi penerima *coming out* jarang bersifat jelas seperti yang digariskan oleh Manning (2015a). Dalam masyarakat kolektivistik, reaksi penerima sering bersifat kontekstual dan seringnya memerlukan masa untuk membuat pemerhatian. Tambahan pula, ahli masyarakat kolektivistik jarang menyuarakan ketidak-setujuan secara bersemuka dan eksplisit. Perkara ini dijelaskan oleh peserta kajian P1 apabila ditanya tentang reaksi negatif yang pernah diterima dalam pengalaman *coming out* beliau.

“Not in the face. But then it’s more towards through a friend. Because, like I told you, the secondary school group of friends? So one of that groups, he’s still very close to me. So then I did, I did ask him la. I asked why are they trying to avoid me? Then I say, is it because of my sexuality? Then he said, yes, they were talking about you, behind your back. They said, “If he goes, we’re not going with him.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Coming out untuk mendapatkan sokongan dan bimbingan

Kawan heteroseksual yang memahami dan menerima boleh menjadi sumber sokongan yang penting kepada individu LGB. Dalam situasi tertentu, sesetengah peserta kajian juga melakukan *coming out* untuk mendapatkan sokongan emosi daripada orang lain. Bagi peserta kajian P2, beliau merasai keperluan untuk melakukannya apabila beliau menghadapi masalah dengan kawan sama jantina yang diminatinya. Insiden ini disifatkan sebagai krisis persahabatan dan mendatangkan tekanan yang amat besar bagi peserta kajian pada masa itu. Sejak insiden itu, beliau mula melakukan *coming out* kepada banyak orang dalam fasa kehidupan ini.

“Because that’s kind of like a huge disaster to me then, I couldn’t take it. So I need to, really, find someone to share the feeling, like share the burden la, in a sense. Then, so during that time, I... the people I come out with tremendously increased la.”

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Cara pendedahan peserta kajian P2 adalah melalui konteks menjawab pertanyaan dan peluahan masalah antara kawan atau adik-beradik. Cara komunikasi ini menjadikan perasaan peserta kajian atau masalah persahabatan itu sebagai fokus utama perbualan, dan bukan identiti seksualnya.

"I think it's because... because we were really close friends (me and my crush) before, uh, at that time. Then all of a sudden, we lost connections. We never talk to each other. So our troubled relationship caused many of our friends to wonder what was going on? Then they started asking, "Why? What's wrong with you two?" Then I was like, "Ahh," and I was also very hard on him because I knew he would be very angry if I told our friends about us. But at that point, I still felt like I couldn't keep it to myself. Aah. I can't handle this anymore, it's just too much."

(P2, Lelaki, 23 tahun)

Bagi peserta kajian P5 yang merupakan seorang penganut Kristian pula, beliau melakukan *coming out* kepada seorang pastor untuk mendapatkan bimbingan kepada isu sama ada beliau harus berkongsi tentang identiti seksualnya dalam komuniti Kristian.

"So, how I come out to him, because I think... because after another Pride Month, then ok, I'm starting to think about, about what does Christian community react on this, and I feel like I should share something. So before I share, I just go to him. I just WhatsApp him. I asked him. Is it fine that I, I... me as a Christian, I just, I just coming out as bisexual. Err, I identify myself as bisexual. How do you think Christians react to this? So... he said that it's actually good (coming out). So this is what, this is how he supports me la."

(P5, Perempuan, 30 tahun)

Coming out kepada keluarga dalam keadaan luar biasa

Pendedahan orientasi seksual kepada ahli keluarga, terutamanya kepada ibu bapa, merupakan sesuatu yang mencabar bagi individu LGB. Dalam kalangan peserta kajian, hanya dua orang peserta kajian (P1 dan P3) pernah melakukan *coming out* kepada ibu bapa mereka, dan kedua-duanya berlaku dalam keadaan yang luar biasa. Bagi peserta kajian P1, beliau terpaksa melakukan *coming out* selepas kakaknya mengumpul sejarah perbualan antara dirinya dengan teman lelakinya, dan melakukan konfrontasi tentang seksualiti peserta kajian di depan seluruh keluarganya. Kejadian ini menjadi pengalaman yang sukar dan traumatik bagi seluruh keluarga peserta kajian.

"So then, she throws the whole stack of things at me, and say that, you know, do you know that you are doing something very wrong, that you're hurting mom's feelings, my father's feelings, that kind of things. So, at that point of time, I was trying to deny it, but I knew that I couldn't anymore. She bares it all, out loud. So my entire family was awake at the time, which I believe was around 3 a.m. So everyone was gathered in the living room. My sister then began to cry. I was in tears. Then I tried to threaten her, saying that if you try to force me any further, I'm going to get a knife and kill myself. So, my mother, my mother was terrified. And then my mother scolded my sister, saying, no no no, your brother is not gay, your brother is not gay. So, at the time, erm, at the time, I was like, no. Mom is extremely supportive of me. So that's when I broke down and said to my mother, 'Oh, yes. Sister is right. I'm gay.'"

(P1, Lelaki, 37 tahun)

Insiden itu telah mendatangkan perubahan yang besar kepada hubungan antara peserta kajian P1 dengan kakak dan ibunya. Reaksi ibu peserta kajian juga berubah selepas bertahun-tahun, daripada penolakan sehingga toleransi pasif (Bie & Tang, 2016).

"Then, at that point of time I had a very bad relationship with my sister, even until now. So... we don't really talk about... we try not to touch on this topic, you know. Because we will get into a big fight, you know. (...) Then my mom almost every night will call me. (...) Then she will say, please don't do things that is wrong anymore. So then she will be crying, I'll be crying. So... until, until I think... 6 to 7 years back, then only she started to accept it. Because I had my... I started to work. So my mom... I had a... ex-boyfriend who was with me for 6 years. So then, she started to accept. Not really accept, but then more towards like, erm... I can't accept you as a gay, but then somehow you're my son, so I have to accept you as a son."

(P1, Lelaki, 37 tahun)

"Then, starting from that incident, I had a very bad relationship with my sister, even until now. So... we don't really on good terms. We try not to bring up this subject, you know. Because we're going to have a big fight, you know. My mother then calls me almost every night. Then she'll say, please don't do anything wrong anymore. So she'll be crying, and I'll be crying. So... until, until I think... Only about 6 to 7 years ago did she begin to accept it. Because I started to work. Also, my then-boyfriend and I had been together for 6 years. So, my mother..slowly, began to accept. Not really accept, but more like erm... I can't accept you as gay, but you're my son, so I have to accept you."

(P1, Lelaki, 37 tahun)

Perubahan reaksi ibu peserta kajian ini selari dengan model Coleman (1982), yang mana ibu bapa memerlukan masa untuk memproses kehibaan (grief) mereka daripada kehilangan harapan yang sedia ada terhadap anak mereka. Namun, selain daripada proses kognitif, perubahan ini juga berkaitan dengan strategi komunikasi yang berterusan dalam menguruskan identiti seksual peserta kajian. Sehingga hari ini, sebarang perbincangan tentang identiti seksual peserta kajian masih menimbulkan konflik dan perdebatan dalam keluarga. Oleh itu, peserta kajian dan keluarganya cuba mengelak daripada menyentuh topik ini. Selain itu, kini, peserta kajian P1 tinggal di luar bersama pasangannya, dan beliau menyediakan bilik untuk ibunya datang melawat. Melalui pelbagai strategi ini, peserta kajian dapat menjalani kehidupan yang jujur terhadap dirinya, di samping mengekalkan hubungan kekeluargaan dan berkongsi sesetengah aspek kehidupan dengan ibunya.

"I'm staying with my boyfriend now, she's ok with it, you know. So at the end of the day, she will still always thinking, erm... the same thing lo, like if you can change, you change. But then, I will not say... like a lot of my friends, the parents disown them. Like, saying it's that, 'Oh, no. You're gay, and you're not my children anymore.' So at least my mom is still there for me, you know, when I need her la. So but somehow, we try not to touch about this thing la."

(P2, Lelaki, 37 tahun)

Seperti yang ditunjukkan di atas, *coming out* kepada ibu bapa mungkin menjadi pengalaman yang traumatik bagi individu LGB dan hubungan kekeluargaan. Menariknya, peserta kajian P3 memilih ibunya sebagai individu untuk mendedahkan identiti lesbiannya buat kali pertama. Malah, peserta kajian sendiri tidak memahami sebab dirinya melakukan tindakan ini.

"I was having my finals in my, third year, third-year Bachelor degree. And I was, I don't know why I did that. Because I was so stressed. And then one night, I suddenly texted my mother, using SMS at that time. So, I unexpectedly texted her, confessed to her, err to her that I'm a homosexual. But she never... right after that, she never asked me about this, not until I get home."

(P3, Perempuan, 30 tahun)

Coming out melalui cara yang tidak bersemuka (seperti mesej teks) mungkin membantu menenangkan reaksi dan membenarkan kedua-dua pihak untuk memproses pengalaman tersebut. Bagi peserta kajian P3, perbualan tentang identiti seksualnya berlaku apabila beliau pulang ke kampung halaman daripada universiti.

"I remember she mentioned that I have a mental problem. So she, she says that she wants to take me to the doctor to check... check whether I have a mental problem or not. Err... we have this conversation only once la. Then the next day, I never say anything. So we continue to live our life normally. From that conversation onwards, we never mention this topic again."

(P3, Perempuan, 30 tahun)

"She told me she has, err high... she has high blood pressure. And then she could not sleep for a few days after I told her. So... I never want to talk to her again about this anymore. Not to, not to... pressure her anymore."

(P3, Perempuan, 30 tahun)

Reaksi ibu peserta kajian P3 menunjukkan stereotaip yang meluas dalam budaya Cina, iaitu bahawa homoseksualiti ialah penyakit mental (Bie & Tang, 2016). Selain itu, ibu peserta kajian juga meluahkan bahawa *coming out* peserta kajian telah menyebabkan kerisauan dan menjejaskan kesihatannya. Perkara yang menyakitkan ibu bapa adalah sesuatu yang tidak patut bawah nilai *filial piety*. Untuk mengelakkan perkara itu dan mengekalkan hubungan kekeluargaan, keluarga peserta kajian mengelak daripada topik identiti seksual peserta kajian secara total. Sebaliknya, peserta kajian menggunakan cara komunikasi alternatif untuk berkomunikasi dengan keluarganya tentang identiti seksualnya, termasuk strategi "*coming home*" yang digambarkan oleh Tan (2011) dan pendidikan melalui program televisyen seperti yang dilihat dalam kajian lepas (Bie & Tang, 2016; Wang *et al.*, 2009).

"I think they (my siblings) somehow know la, but they never mention it out. Because I brought my girlfriend back home before. I mentioned that she is my friend."

(P3, Perempuan, 30 tahun)

"So, some of the, like celebrities show in China, they did show I think... There're some very good debaters on LGBT. So I showed it to my mom. I want to tell my mom indirectly that LGBT can be good as well. So not all LGBTs are... like, not all LGBTs have mental issues."

(P3, Perempuan, 30 tahun)

Perbincangan

1. Motivasi *Coming Out*

Dalam kajian ini, motivasi utama yang mempengaruhi sama ada *coming out* dilakukan adalah hubungan dengan orang lain dan keperibadian identiti seksual. Kedua-dua motivasi ini berkait rapat dengan budaya tempatan yang menentukan makna perhubungan dan identiti seksual. Daripada hasil kajian, *coming out* kepada kawan sering didorong oleh motivasi yang berkait rapat dengan perhubungan. Dapatan ini disokong oleh kajian Cheah dan Singaravelu (2017). Pada masa yang sama, hasil kajian menunjukkan bahawa faktor perhubungan, seperti hubungan yang kurang rapat atau bersifat tidak personal, serta kemungkinan untuk mendapat penolakan, juga menjadi motivasi kepada penyembunyian identiti seksual peserta kajian. Dapatan ini selari dengan jangkaan untuk masyarakat kolektivistik, di mana mengekalkan hubungan kolektif dengan orang lain membentuk asas yang penting dalam kehidupan budaya Malaysia. Secara umumnya, kawan paling kerap menjadi penerima kepada *coming out* peserta kajian berbanding keluarga. Dapatan ini disokong oleh kajian Legate *et al.*, (2012), di mana peserta melaporkan sokongan autonomi dan tahap *outness* yang paling tinggi dalam lingkungan kawan. Dengan keluarga pula, peserta kajian lebih cenderung melakukan *coming out* secara sukarela kepada adik-beradik berbanding ibu bapa. Dapatan ini selari dengan kajian Wong dan Tang (2004) dan Chow dan Cheng (2010). Perkara ini mungkin disebabkan jarak kuasa yang lebih dekat antara adik-beradik berbanding hubungan ibu bapa dan anak.

Sebaliknya, *coming out* kepada ibu bapa dalam budaya Cina sering digambarkan sebagai pengalaman yang amat mencabar. Berdasarkan nilai Confucianisme, anak-anak mempunyai kewajipan untuk menuruti kata-kata ibu bapa (Wong & Tang, 2004), dan dijangkakan untuk menunaikan tanggungjawab kekeluargaan mereka (Chow & Cheng, 2010). Perbuatan *coming out* untuk "mengejar *gay pride*" yang berasaskan keinginan individu dan mungkin menyakitkan ibu bapa, bercanggah dengan nilai kolektivistik *filial piety*. Oleh itu, kebanyakan peserta kajian cenderung menyembunyikan orientasi seksual mereka daripada ibu bapa. Tambahan pula, seksualiti masih merupakan topik taboo dalam kebanyakan masyarakat Cina (Wong & Tang, 2004) dan dalam masyarakat umum Malaysia. Bagi peserta kajian kajian ini, perkara ini lebih dirasai dalam hubungan rapat seperti dengan keluarga, yang mana ia mendorong penyembunyian identiti seksual mereka. Selain itu, walaupun kesemua peserta kajian telah menerima identiti seksual mereka melalui label seperti gay, homoseksual dan biseksual, mereka tidak merasai keperluan untuk mengumumkan identiti itu secara terbuka. Sebaliknya, pendedahan sering bergantung pada keperluan konteks sosial dan jangkaan hasil *coming out*. Hasil kajian ini mengesahkan bahawa proses *coming out* membawa makna yang berbeza bagi mereka dalam budaya kolektivistik Malaysia. Dalam masyarakat Barat, *coming out* sering dilihat sebagai proses individu yang berkaitan dengan konsep sendiri, yang mana pendedahan bermakna penerimaan dan komitmen terhadap identiti itu, manakala penyembunyian bermakna penafian, rasa malu atau benci diri. Dalam kebanyakan budaya

kolektivis Asia, seksualiti bukan bahagian utama dalam identiti sendiri seseorang. Sebaliknya identiti lain yang bersifat perhubungan seperti anak yang taat, kawan yang setia dan boleh dipercayai, adik-beradik yang baik, rakan sekerja dan ahli gereja yang membantu, lebih dipentingkan (Cheah & Singaravelu, 2017). Oleh itu, dalam konteks budaya ini, *coming out* sering menjadi strategi pengurusan pelbagai identiti yang mana keinginan individu dan kolektif diimbangi bersama.

2. Strategi Komunikasi *Coming Out*

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa cara komunikasi yang mengelilingi pengalaman *coming out* peserta kajian adalah berbeza bergantung pada konteks dinamik perhubungan. Dalam kalangan rakan sebaya seperti kawan dan rakan sekerja, *coming out* sering berlaku melalui cara komunikasi yang eksplisit dan terus-terang. Perkara ini mungkin disebabkan dalam dinamik perhubungan, rakan sebaya dilihat sebagai sama rata dan dijangkakan untuk menghormati satu sama lain (Bie & Tang, 2016). Selain daripada cara *coming out* yang menarik perhatian kepada perbezaan identiti seksual peserta kajian seperti yang digambarkan dalam wacana Barat, pendedahan peserta kajian ini sering diselitkan dalam konteks interaksi harian dan perhubungan yang mudah difahami dan diterima. Strategi komunikasi ini diinterpretasi sebagai percubaan untuk mendedahkan identiti seksual dalam cara yang lebih “lembut”, di mana perbezaan orientasi seksual tidak dipersembahkan sebagai keunikan individu, tetapi sebagai percubaan untuk mengekalkan dan mendalami hubungan kolektivis antara rakan sebaya. Selain itu, pelbagai strategi yang terlibat sebelum dan selepas *coming out*, seperti persediaan melalui *testing the waters* (McLean, 2007), serta kecenderungan ahli masyarakat kolektivistik untuk mengelakkan konflik bersemuka dan topik seksualiti, menjadikan pengalaman *coming out* peserta kajian secara umumnya tidak mempunyai impak besar terhadap perhubungannya.

Di samping itu, strategi komunikasi yang terlibat dalam pengalaman *coming out* dengan keluarga bersifat lebih rumit dan kurang terus-terang. Dalam kajian ini, kebanyakan peserta kajian mengamalkan penyembunyian dengan keluarga, terutamanya dengan ibu bapa mereka. Disebabkan sifat taboo dan kesensitifan, topik seksualiti secara umumnya dielakkan. Apabila topik ini dibangkitkan, cara komunikasi yang implisit seperti memberi bayangan sering digunakan. Gaya percakapan yang tidak langsung ini dijelaskan oleh Ting-Toomey dan Chung (2012) sebagai pernyataan verbal yang cenderung untuk melembutkan niat pecakap, dan dilakukan dalam ton yang tentatif dan tidak langsung. Selain itu, cara komunikasi yang tidak langsung melalui penggunaan mesej teks dan “*coming home*” (membawa pulang pasangan dan memperkenalkannya sebagai kawan), juga digunakan oleh beberapa peserta kajian. Strategi pengelakan dan cara-cara komunikasi yang tidak langsung ini selari dengan nilai kekeluargaan kolektivis, di mana subjek disentuh tanpa konfrontasi bersemuka untuk mengekalkan keharmonian (Cheah & Singaravelu, 2017).

Bagi kedua-dua peserta kajian yang melakukan *coming out* kepada ibu bapa, mereka menerima reaksi yang menolak daripada ibu bapa pada asalnya, yang kemudian berubah menjadi toleransi pasif selepas masa berlalu. Reaksi ibu bapa ini turut diperhatikan dalam kajian Bie dan Tang (2016). Selepas *coming out* dilakukan, strategi komunikasi yang berterusan digunakan, bukan sahaja oleh peserta kajian, tetapi juga oleh ahli keluarga mereka, untuk menguruskan orientasi seksual peserta kajian. Kedua-dua peserta kajian melaporkan pengelakan daripada topik orientasi seksual peserta kajian untuk mengelakkan konflik. Sebaliknya, mereka menggunakan cara lain untuk mengendalikan identiti seksual mereka dengan keluarga, seperti dengan berpindah ke ruang tempat tinggal sendiri (dan menjemput ibu untuk datang melawat), ataupun dengan membawa pulang pasangan ke rumah keluarga. Kedua-dua cara ini dicadangkan dalam kajian lepas sebagai cara alternatif kepada *coming out* (Tan, 2011; Wang *et al.*, 2009), tetapi jarang diakui sebagai strategi pengurusan identiti seksual selepas *coming out* dilakukan dalam konteks keluarga. Cara-cara ini membolehkan peserta kajian untuk mengekalkan hubungan kekeluargaan, di samping menegaskan identiti seksual mereka sebagai LGB. Kajian ini menunjukkan bahawa proses *coming out* bagi LGB dalam konteks masyarakat kolektivistik jarang tidak bersifat terus dan jelas seperti yang dicadangkan dalam kajian tentang fenomena ini di masyarakat Barat. Komunikasi dalam masyarakat kolektivis Malaysia bersifat lebih kontekstual, di mana cara komunikasi yang implisit dan tidak langsung sering digunakan oleh individu LGB, penerima *coming out*, dan ahli keluarga individu LGB. Terutamanya dalam hubungan kekeluargaan di mana nilai-nilai budaya kolektivis berpengaruh kuat, *coming out* seringnya bukan suatu proses yang bersifat sekali gus, tetapi

melibatkan proses pengurusan identiti seksual yang berterusan untuk mengimbangi keperluan individualistik dan kolektivistik.

3. Perbezaan Individu

Dalam kajian lepas tentang pengalaman *coming out* individu LGB, perbezaan individu jarang diberikan perhatian. Walaupun kajian ini mempunyai saiz sampel yang kecil, pengkaji mendapati bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman *coming out* yang pelbagai, yang seringnya berkaitan dengan faktor perbezaan individu. Di Malaysia, kajian yang meneroka konflik antara identiti keagamaan dan identiti seksual sering berfokus pada lelaki homoseksual yang beragama Islam. Dalam kajian ini, dua orang peserta kajian yang beragama Kristian menunjukkan hasil perkembangan identiti yang bukan tipikal bagi kumpulan minoriti seksual Kristian. Bagi peserta kajian P1, beliau dapat menyelesaikan konflik antara kedua-dua identiti ini melalui interpretasi alternatif ajaran Bible, serta *life compartmentalization* melalui tidak membuat pendedahan identiti seksual di konteks sosial gereja. Strategi ini selari dengan kajian Levy dan Reeves (2011), Anderton *et al.*, (2011), serta Ho dan Hu (2016). Di samping itu, peserta kajian P5 tidak pernah mengalami konflik antara kedua-dua identiti ini kerana identiti biseksualnya tidak diamalkan secara praktikal sejak permulaan. Dapatan ini membantu memperluas pemahaman kita tentang makna seseorang LGB yang beragama Kristian.

Pengalaman peserta biseksual jarang diterokai dalam kajian lepas di Malaysia. Dalam kajian ini, kedua-dua peserta kajian biseksual menunjukkan kecenderungan atau keputusan sedar untuk menuruti norma sosial dan memasuki hubungan perkahwinan heteroseksual. Perkara ini mungkin didorong oleh persekitaran sosiopolitik makro yang hanya mengesahkan perkahwinan heteroseksual dan nilai kekeluargaan tradisional yang masih kuat dalam budaya tempatan. Selain itu, mereka juga cenderung mengamalkan *coming out* dalam konteks situasi yang memerlukan sahaja. Cara komunikasi *coming out* peserta kajian selari dengan dapatan Maliepaard (2018) dan McLean (2007), terutamanya bagi peserta kajian P4, di mana kebanyakan *coming out* hanya dilakukan dalam konteks interaksi harian yang biasa dan relevan, melalui cara yang mana pendedahan identiti seksualnya tidak dilihat sebagai perkara yang besar.

Kajian lepas di Malaysia sering berfokus pada peserta LGBTQ+ dari Kuala Lumpur (Tan *et al.*, 2021). Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa peserta kajian dari luar bandar mengalami cabaran yang berbeza daripada peserta kajian yang tinggal di bandar. Selari dengan kajian di Amerika Syarikat, komuniti yang rapat dan saling mengenali, serta tahap stigma sosial yang tinggi terhadap seksualiti minoriti, menyebabkan sesetengah individu LGB cenderung mengamalkan penyembunyian dalam budaya itu (Hubach *et al.*, 2019; Kazyak, 2011). Selain itu, keberadaan di negara Barat dan/atau berjauhan dengan keluarga pada umur awal dewasa, memainkan peranan yang penting dalam perkembangan identiti seksual peserta kajian. Persekitaran yang bersifat terbuka kepada kumpulan minoriti seksual membolehkan individu LGB untuk melakukan pelbagai penerokaan tingkah laku serta mempelajari daripada model yang lain. Hasil kajian ini selari dengan pandangan perkembangan manusia dalam model jangka hayat D'Augelli (1994), di mana perbezaan individu harus diambil kira dalam pengkonsepsian perkembangan identiti LGB.

Kesimpulan

Kajian ini secara umumnya mengesahkan hasil dapatan kajian Cheah dan Singaravelu (2017), di samping membekalkan dapatan tambahan yang memperkaya pengetahuan tentang pengalaman individu LGB yang berbangsa Cina di Malaysia. Disebabkan bilangan peserta yang kecil, pengkaji berpeluang untuk meneroka faktor perbezaan individu secara lebih mendalam, dan mendapati kepentingan untuk mengambil kira faktor ini dalam membentuk pengalaman *coming out* seseorang LGB di Malaysia. Dapatan ini mencadangkan persilangan pelbagai identiti dan budaya dalam individu LGB di Malaysia sebagai suatu bidang kajian yang harus diberikan perhatian dalam kajian masa depan. Selain itu, kajian ini juga mendedahkan proses dan strategi *coming out* yang rumit dan pelbagai dalam kalangan individu LGB yang berbangsa Cina di Malaysia, terutamanya dalam perhubungan kekeluargaan. Walaupun populasi berbangsa Cina di Malaysia yang berumur lebih muda cenderung dipengaruhi oleh ideologi progresif yang sekular daripada masyarakat Barat dan Taiwan (yang telah mengesahkan perkahwinan sama jantina), nilai budaya kekeluargaan tradisional daripada ajaran Confucianisme masih lagi menampakkan pengaruh yang kuat dalam keluarga mereka.

Selari dengan dapatan kajian, kaunselor yang menyantuni komuniti LGB yang berbangsa Cina di Malaysia perlu memahami individu LGB pada tahap sistemik, termasuk budaya keluarga dan persekitaran sosialnya, dan bukannya pada tahap intrapersonal dan kognitif sahaja. Selain itu, kajian juga menunjukkan dapatan tentang proses yang berlaku dalam pengalaman *coming out* individu LGB, seperti pengurusan identiti seksual yang berterusan selepas *coming out* dilakukan dengan ibu bapa. Maklumat seperti ini boleh dijadikan rujukan kepada klien LGB supaya mereka lebih bersedia untuk proses itu. Akhirnya, kajian tentang pengalaman *coming out* LGB daripada lensa budaya kolektivistik ini telah mencadangkan cara baru untuk melihat fenomena ini. Daripada ton mono-budaya dalam kajian LGB lepas yang dijalankan oleh negara Barat, kajian tentang fenomena ini harus berubah untuk merangkumi lebih banyak jenis budaya dan bergerak ke arah pengurusan pelbagai identiti.

Penghargaan: Kami ingin merakam setinggi penghargaan kepada penilai artikel ini di atas cadangan dan komen yang bernilai bagi memantapkan penghasilan artikel ini sehingga berjaya diterbitkan.

Kenyataan Izin Termaklum: Izin termaklum telah diperolehi daripada semua peserta kajian ini.

Konflik Kepentingan: Tidak wujud konflik kepentingan dalam penulisan dan penghasilan artikel ini.

Rujukan

- Bijie Bie & Lu Tang (2016) Chinese gay men's coming out narratives: Connecting social relationship to co-cultural theory, *Journal of International and Intercultural Communication*, 9:4, 351-367. <https://doi.org/10.1080/17513057.2016.1142602>
- Bilodeau, B. L. & Renn, K. A. (2005). Analysis of LGBT identity development models and implications for practice. *New Directions for Student Services*, 111, 25-39. <https://doi.org/10.1002/ss.171>
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cass, V. C. (1979). Homosexuality identity formation. *Journal of Homosexuality*, 4(3), 219-235. https://doi.org/10.1300/J082v04n03_01
- Cheah, Wai Hsien & Singaravelu, Hemla. (2017). The coming-out process of gay and lesbian individuals from Islamic Malaysia: Communication strategies and motivations. *Journal of Intercultural Communication Research*, 46(5), 401-423. <https://doi.org/10.1080/17475759.2017.1362460>
- Chow, Pizza Ka-Yee & Cheng, Sheung-Tak. (2010). Shame, internalized heterosexism, lesbian identity, and coming out to others: A comparative study of lesbians in mainland China and Hong Kong. *Journal of Counseling Psychology*, 57, 92-104. <https://doi.org/10.1037/a0017930>
- Coleman, E. (1982). Developmental stages of the coming-out process. *American Behavioral Scientist*, 25(4), 469-482. <https://doi.org/10.1177/000276482025004009>
- Corrigan, P. W. & Matthews, A. K. (2003). Stigma and disclosure: Implications for coming out of the closet. *Journal of Mental Health*, 12, 235-248. <https://doi.org/10.1080/0963823031000118221>
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. Ed. ke-2. California: Sage Publications, Inc.
- D'Augelli, A. R. (1994). Identity development and sexual orientation: Toward a model of lesbian, gay, and bisexual development. In E. J. Trickett, R. J. Watts, & D. Birman (Eds.), *Human diversity: Perspectives on people in context* (pp. 312-333). Jossey-Bass/Wiley. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1037/h0080345>
- Felix, M. S. (2016). Gay identity construction of ten Muslim male undergraduates in Penang, Malaysia: A phenomenological qualitative study. *Asia-Pacific Social Science Review*, 16(2), 113-119. Retrieved February 8, 2023, from <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ajbs/article/view/13453>
- Hubach, R. D., Currin, J. M., Giano, Z., Meyers, H. J., DeBoy, K. R., Wheeler, D. L., Croff, J. M. (2019). Isolated by chance, not choice: Experiences of stigma by gay and bisexual men in rural Oklahoma. *Health Equity*, 3(1), 231-237. <https://doi.org/10.1089/heaq.2018.0095>
- Kazyak, E. (2011). Disrupting cultural selves: Constructing gay and lesbian identities in rural locales. *Qualitative Sociology*, 34, 561-581. <https://doi.org/10.1007/s11133-011-9>
- Kosciw, J. G., Palmer, N. A. & Kull, R. M. (2015). Reflecting resiliency: Openness about sexual orientation and/or gender identity and its relationship to well-being and educational outcomes for LGBT students. *Am J Community Psychol*, 55(1-2), 167-178. <https://doi.org/10.1007/s10464-014-9642-6>

- Legate, N., Ryan, R. M. & Weinstein, N. (2012). Is coming out always a “good thing”? Exploring the relations of autonomy support, outness, and wellness for lesbian, gay, and bisexual individuals. *Social Psychological and Personality Science*, 3(2), 145-152. <https://doi.org/10.1177/1948550611411929>
- Maliepaard, E. (2018). Disclosing bisexuality or coming out? Two different realities for bisexual people in The Netherlands. *Journal of Bisexuality*, 18(2), 145-167. <https://doi.org/10.1080/15299716.2018.1452816>
- Manning, J. (2015). Positive and negative communicative behaviors in coming-out conversations. *Journal of homosexuality*, 62(1), 67-97. <https://doi.org/10.1080/00918369.2014.957127>
- Manning, J. (2015). Communicating sexual identities: A typology of coming out. *Sexuality & Culture: An Interdisciplinary Quarterly*, 19(1), 122-138. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1007/s12119-014-9251-4>
- McLean, K. (2007). Hiding in the closet?: Bisexuals, coming out and the disclosure imperative. *Journal of Sociology*, 43(2), 151-166. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1177/1440783307076893>
- Mohd Asyraf Zulkffli & Radzuwan Ab Rashid. (2019). Discursive strategies employed by homosexual Malaysian Muslim men in talking about homosexuality in Islam. *Discourse & Society*, 30(3), 307- 320. <https://doi.org/10.1177/0957926519828032>
- Russell, S. T., Toomey, R. B., Ryan, C. & Diaz, R. M. (2014). Being out at school: The implications for school victimization and young adult adjustment. *American Journal of Orthopsychiatry*, 84(6), 635- 643. <https://doi.org/10.1037/ort0000037>
- Rust, P. C. (2003). Finding a sexual identity and community: Therapeutic implications and cultural assumptions in scientific models of coming out. In L. D. Garnets & D. C. Kimmel (Eds.), *Psychological perspectives on lesbian, gay, and bisexual experiences* (pp. 227–269). Columbia University Press.
- Subhi, N., Mohamad, S. M., Sarnon, N., Nen, S., Hoesni, S. M., Khadijah Alavi & Chong, Sheau Tsuey. (2011). Intrapersonal conflict between Christianity and homosexuality: The personal effects faced by gay men and lesbians. *Jurnal e-Bangi*, 6(2), 193-205. Retrieved February 8, 2023, from <http://journalarticle.ukm.my/2673/1/nasruddin011.pdf>
- Tan, Chris K. K. (2011). Go home, gay boy! Or, why do Singaporean gay men prefer to “go home” and not “come out”? *Journal of Homosexuality*, 58(6-7), 865-882. <https://doi.org/10.1080/00918369.2011.581930>
- Tan, Kyle Kar Hou, Lee, Kai Wei, & Cheong, Zien Wei. (2021). Current research involving LGBTQ people in Malaysia: A scoping review informed by a health equity lens. *Journal of Population and Social Studies*, 29(1), 622-643. <https://doi.org/10.1177/26318318211060484>
- Ting-Toomey, S., & Chung, L. C. (2012). What is intercultural communication flexibility? and What are the essential cultural value patterns. *Understanding Intercultural Communication*, 29(4), 22-63.
- Troiden R. R. (1989). The Formation of Homosexual Identities. *Journal of Homosexuality*, 17(1-2), 43-74. https://doi.org/10.1300/j082v17n01_02
- Wang, Frank T. Y., Bih, Heng-Dar & Brennan, D. J. (2009). Have they really come out: Gay men and their parents in Taiwan. *Culture, Health & Sexuality*, 11(3), 285-296. <https://doi.org/10.1080/13691050802572711>
- Wong, Chi-yan & Tang, Catherine So-kum. (2004). Coming out experiences and psychological distress of Chinese homosexual men in Hong Kong. *Archives of Sexual Behavior*, 33(2), 149-157. <https://doi.org/10.1023/b:aseb.0000014329.00994.b6>
- Yusof, D. G. & Subhi, N. (2017). Experience of coming out among same-sex attracted Muslim men (SSAMM) in Malaysia. *Proceedings – The 6th International Conference on Social Sciences and Humanities ICOSH-UKM*, 782-800. Retrieved February 8, 2023, from <http://journalarticle.ukm.my/14965/1/430-1672-1-SM.pdf>
- Zainon Shamsudin & Kamila Ghazali. (2011). A discursive construction of homosexual males in a Muslim-dominant community. *Multilingua*, 30, 279–304. <https://doi.org/10.1515/mult.2011.013>